

KECELARUAN FAHAM RAJA DAN RAKYAT

Merujuk kepada kefahaman arus perdana terkait sistem pemerintahan tradisional di Alam Melayu, iaitu sistem pemerintahan Raja-raja Melayu, saya ingin berkongsi beberapa perkara daripada pengkajian saya, yang saya rasa sangat penting untuk memperbetulkan beberapa kesalah fahaman yang berlaku.

Tiga elemen yang menjadi perhatian saya adalah konsep FEUDAL, DAULAT RAJA & DAULAT RAKYAT.

Feudalisme:

Adalah suatu kesilapan untuk mengistilahkan sistem Feudal sebagai sistem yang digunapakai oleh pemerintahan Raja-raja Islam, contohnya sistem Raja-raja yang berkerajaan di Alam Melayu dahulukala. Sistem Feudal adalah sistem yang terkait pemerintahan monarki di Eropah, tidak sama ciri dan konsepnya dengan sistem Raja-raja Islam.

Secara teori, adalah lebih tepat untuk mengistilahkan sistem Raja-raja Islam dahulukala sebagai mata rantai daripada Khulafa' Rasulullah saw, iaitu sebagai pengganti baginda dalam hal urusan menjaga dunia dan agama umat Islam, Walaupun kadangkala wujud percanggahan diantara teori dan realiti sebenar, namun ianya tidak menidakkan sistem Raja-raja Islam sebagai sistem yang paling menepati ciri-ciri *Fiqh al Siyasi*, iaitu kaedah bagaimana sesebuah negara itu diperintah mengikut landasan syariat. Perkara ini telahpun dihuraikan oleh alim-ulama ahlussunnah wal jamaah yang muktabar Antara rujukan utama adalah kitab Abu Al-Hasan Aliy bin Muhammad bin Habib Al-Basriy Al-Baghdadi Al-Mawardi, *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayah Al-Diniyyah (Hukum-hukum pemerintahan dan kekuasaan agama)*, yang telah disusun berates-ratus tahun lalu dan dijadikan panduan oleh ramai umara dan ulama silam dalam proses mendirikan sebuah kerajaan Islam.

Kekeliruan@kesilapan dalam mengistilahkan pemerintahan Raja Islam sebagai Feudal samalah seperti menterjemahkan konsep 'gundik' sebagai 'perempuan simpanan', atau Wahdatul Wujud sebagai 'panteisme'.

Sistem Feudal adalah sistem dan pengalaman terkait monarki di Eropah, yang sudah tentu tidak sama dengan sistem dan pengalaman daulah-daulah yang bercirikan *Fiqh al Siyasi*. Apabila sistem Raja Islam@ Khulafa' Rasulullah disamakan dengan sistem Feudal, maka ianya akan memberikan konotasi negatif sekaligus mencetuskan persepsi salah dan sikap prejudis, kerana di Eropah sistem Feudal sering dikaitkan dengan kezaliman golongan bangsawan, menyengsarakan rakyat jelata yang menjadi hamba kepada golongan tuan tanah ini

Sama juga jika istilah gundik diterjemah sebagai perempuan simpanan, maka akan wujud tanggapan bahawa Raja Melayu mempunyai ramai perempuan simpanan dan melakukan zina. Begitu juga jika konsep Wahdatul Wujud diterjemah sebagai panteisme sepertimana dalam ajaran Hinduisme (terjemahan orientalisme), sehingga konsep ini diterjemah sebagai 'mentajsimkan' Allah. Na'uzubillahimin zalik. Walhal perkara ini bukanlah hakikatnya yang sebenar.

Maka Prof Syed Naquib al Attas sangat menekankan perlunya bahasa dan istilah-istilah digunakan secara beradab atau tepat seperti konsep Tuhan, Ilmu,

Kebebasan, Kebahagiaan, Keadilan, Ketamadunan dan banyak lagi, yang mana perlu ditafsirkan melalui pandangan alam Islam yang sebenar, mengikut panduan alim-ulama arifillah lagikan muktabar khususnya dari zaman salafussoleh. Jika tafsiran dibuat mengikut kacamata yang lain seperti tafsiran orientalis Barat, ianya akan memberikan persepsi serta kesan negatif yang memudaratkan

Dalam konteks pemerintahan umat Islam, perlu ada pengkajian semula apakah sebenarnya sistem Raja-raja Islam seperti sistem Raja-raja Melayu tradisional, dikupas dari sudut pandang *Fiqh al Siyasi*. Antara elemen-elemen yang terkandung dalam *Fiqh al Siyasi* adalah seperti berikut:

1. Peranan Khalifah Allah
2. Peranan Khulafa' Rasulullah saw
3. Ahli hilli wa al 'aqdi
4. Ciri kelayakan Ketua Negara@ Ulil Amri
5. Aqad & Bai'at
6. Ulil Amri sebagai pemutus hukum
7. Konsep Syura
8. Menteri Tafwidhi
9. Menteri Tanfizi
10. Mufti atau Qadhi
11. Piagam@ Perlembagaan
12. Konsep "Taat Allah, Rasul & Ulil Amri"
13. Konsep Zilullah fi ardh & Zilullah fil 'alam
14. Adil
15. Bughah
16. Ketamadunan & peradaban
17. Adat bangsa-bangsa & budaya bangsa-bangsa
18. Dan sebagainya

Kesimpulannya, rujukan pada kitab seperti al Mawardi, Nasihatul Muluk oleh al Ghazali & Thamarat al Muhimmah daripada Raja Ali Haji, akan jelas terpamir bahawa sistem pemerintahan Alam Melayu suatu masa dahulu banyak menepati ciri *Fiqh al Siyasi* yang jauh berbeza daripada sistem Feudalisme Eropah,

Daulat Raja:

Konsep 'Daulat Raja' yang banyak dikaitkan dengan sistem Raja Melayu dahulukala juga sering disalah tafsirkan mengikut penterjemahan golongan orientalis yang berlatarbelakangkan agama serta adat budaya yang berbeza daripada masyarakat Melayu Islam di rantau ini, hatta sesetengahnya mempunyai agenda buruk yang tersembunyi (rujuk sejarah orientalisme) dalam menyelewengkan sejarah umat Islam.

Orientalis mentafsir Raja Melayu yang berdaulat dianggap kebal dalam adat & kepercayaan orang Melayu dahulu, seumpama kepercayaan Hinduisme yang menganggap Raja Hindu sebagai jelmaan dewata. Orientalis dan anak didik mereka tidak dapat memahami konsep Daulat Raja selain menggunakan kacamata Hinduisme untuk mentafsirkan konsep ini, seperti juga salah faham mereka pada konsep seperti 'tulah' dan 'derhaka'

Sekali lagi bayangan sistem Feudalisme juga mencorak tafsiran Daulat Raja, kerana dalam sistem Feudalisme juga, golongan bangsawan dilihat mulia dan

seolah-olah kebal kerana dianggap sebagai '*Divinely Anointed*', iaitu golongan istimewa pilihan Tuhan. Sedangkan rakyat jelata adalah hina dan tidak mempunyai hak berbanding golongan bangsawan.

Dalam sistem Feudalisme juga golongan gereja membuat hukum-hakam agama sesuka hati mereka, sehingga berleluasa kezaliman dan kekejaman kepada rakyat jelata, contohnya pada era *Inquisition* di Sepanyol oleh golongan Feudal dan gereja Katolik.

Daulat Raja yang dinisbahkan dengan ajaran Islam, perlu dilihat dalam dua konteks, iaitu sebagai *Khulafa' Rasulallah* dan *Zilullah fil ard*, yang perlu dihuraikan dalam kerangka *Fiqh al Siyasi* dan *Tauhid Makrifat* (khususnya terkait asma, sifat dan af'al Allah yang dipantulkan kepada hambaNya yang telah ditakdirkan duduk pada martabat ulil amri), Untuk memahaminya, sudah tentu memerlukan pentafsiran, penilaian serta penjelasan rapi daripada ulama arifbillah yang mendalami keseluruhan tiga Rukun Agama, iaitu ILMU TAUHID, Fiqh & TASAWUF.

Pentafsiran, penilaian dan penjelasan dibuat mengikut Hukum Akal & Naqal, berdasarkan Quran, Hadith, Ijma dan Qias, tidak sepertimana para paderi Kristian yang membuat berbagai tafsiran serta 'fatwa-fatwa' mereka mengikut hukum akal dan nafsu mereka (kerana tidak bersumber daripada Wahyu). Sehingga 'fatwa-fatwa' yang dibuat banyak menyengsarakan rakyat jelata di era *Inquisition*. Kekejaman Feudalisme Eropah berlarutan selama beberapa abad sehingga akhirnya mencetuskan gerakan *Renaissance*. rakyat bangkit membuat revolusi, membuang sistem monarki dan menegakkan sistem demokrasi sekular bermula abad ke 18 Masihi.

Maka dalam konteks fahaman arus perdana masyarakat kita, kesilapan wujud dalam mentafsirkan konsep 'Daulat Raja' dalam hubungkait dengan pengalaman kesultanan-kesultanan Melayu zaman dahulu kerana tidak dinisbahkan pada dalil aqal dan naqal yang benar, ianya perlulah diselidiki semula, kali ini mengikut kaedah yang tepat, bukan dalam kerangka pandangan alam Hinduisme mahupun Feudalisme Eropah. Kerana dahulu, alim-ulama yang menasihati raja di Alam Melayu bukan calang-calang ulama, mereka bukan sahaja golongan ahlussunnah wal jamaah, tetapi juga bertaraf arifbillah, waliyullah sekaligus diiktiraf oleh dunia Islam. Mereka juga dijadikan sumber rujukan dalam pembangunan ketamadunan serta peradaban Alam Melayu. Maka Daulat Raja perlu dilihat daripada tafsiran dan kayu ukur mereka.

Daulat Rakyat:

'Daulat Rakyat' mula dipopularkan semenjak Revolusi Perancis pada akhir abad ke 18 Masihi, yang berhasil membebaskan rakyat daripada cengkaman sistem Feudalisme@ Monarki Eropah. 'Daulat Rakyat' dan 'Kehendak Rakyat' dalam konteks yang lazim difahami dalam zaman moden masakini adalah suatu konsep yang sebenarnya asing dalam ajaran Islam dan sangat merbahaya kerana ianya mempunyai jarum SEKULARISME & LIBERALISME yang halus dan licik.

Untuk memahami perkara 'Daulat dan Kehendak Rakyat' ini, selidiklah secara terperinci pada agenda Protokol Cendekiawan Zionis serta sistem Demokrasi Barat yang menggunakan sistem undian majoriti dan natijah kemudaratannya

kepada umat manusia masakini. Hakikatnya, konsep undian majoriti dalam ajaran Islam tidak sama dengan konsep Barat dalam sistem demokrasi sekular, malangnya konsep Barat digunakan dengan berleluasa pada kebanyakan negara-negara dunia masakini.

Jika kita mengkaji Protokol Cendekiawan Zionis, konsep 'Kedaulatan dan Kehendak Rakyat' termasuk dalam senarai agenda perjuangan mereka. Dan mereka telah berjaya dengan tipudaya ini sehingga menimpakan musibah yang besar kepada umat manusia disebabkan kepercayaan teguh serta pengamalan 'ideologi' ini, seolah-olah menjadi suatu agama baru bagi manusia akhir zaman. Ideologi ini nampak muluk namun tersirat keracunan yang sangat hebat sekali kerana konsep 'Daulat dan Kehendak Rakyat' adalah sebenarnya agenda agen-agen dajjal di mukabumi ini.

Dalam Islam, wujud suatu istilah yang disebut sebagai HAK, (rujuk surah al-'Asr). Kalimat ini, mempunyai makna yang sangat besar di sisi Allah swt, ditafsir dalam kerangka TAUHID, FIQH & TASAWUF, sekaligus mempunyai hubungan zahir batin, kepentingan dan implikasinya menjangkau kehidupan di akhirat kelak.

Setiap individu mempunyai haknya, hatta golongan hamba, bayi, wanita, anak yatim, orang miskin, orang bukan Islam, binatang, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya mempunyai hak masing-masing yang dalam jaminan Allah swt dan Rasulullah saw.

Dalam hubungkait pemerintah Islam dan rakyat jelata, masing-masing mempunyai hak. Contohnya rakyat perlu setia dan khidmat kepada raja sebagai Khalifah Rasulullah saw & Zilullah fil ard, dan raja pula perlu bersikap adil dengan rakyat. Hatta, pencerobohan atau pengkhianatan hak masing-masing (contohnya rakyat yang derhaka atau raja yang zalim) juga telah diselesaikan fiqh @ hukum hakamnya oleh alim ulama ahlussunnah wal jamaah daripada era salafussoleh dahulu lagi dan sentiasa diperhalusi serta disesuaikan bentuknya mengikut peredaran tempat & zaman tanpa dibuang elemen teras atau usulnya.

Malahan Islam juga mengajarkan tentang konsep Akhlak Mulia dan sikap Rahmatan, yang mana Rasulullah saw sendiri merupakan contoh akhlak sempurna dan penebar rahmat di sekalian alam. Bermakna, ajaran Islam tentang GANDINGAN perbuatan menunaikan segala hak-hak makhluk Allah (manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan) yang terkandung dalam ILMU FIQH dengan perkara akhlak mulia & rahmatan lil 'alamin yang terkandung dalam ILMU TASAWUF adalah cukup untuk menjaga kepentingan rakyat dan sesiapa saja, hatta untuk golongan bukan Islam sekalipun.

Sudah tentu, sebelum menyelesaikan hak makhluk Allah, umat manusia dituntut untuk menunaikan Hak Allah terlebih dahulu, yang mana ilmunya terkandung dalam pengajian TAUHID MAKRFAT. Dan dalam sistem pengajian tradisional Islam di Alam Melayu, perkara ini semua diajar dalam kerangka Fardhu 'Ain & Fardhu Kifayah (rujuk kitab-kitab rujukan agama Alam Melayu), **sebagai sumber peradaban Islam pada kerajaan-kerajaan silam di rantau ini.**

Sesungguhnya Allah swt telahpun menetapkan hak semua hambaNya dan kita hanya perlu mengenali hak-hak ini dan melaksanakan hak-hak tersebut dengan sebaik mungkin, dengan tambahan nilai pada sifat rahmatan dan salaman

sebagaimana akhlak Rasulullah saw, sehingga terhasillah tamadun dan peradaban sejahtera dan tiada siapapun yang akan dirugikan

Rumusan

Dalam konteks pemerintahan Raja-raja Melayu tradisional di rantau ini, dengan mengikut kaedah yang tepat, iaitu dalam kerangka pandangan alam Islam yang sebenar, khususnya melalui *Fiqh al Siyasi* dan *Tauhid Makrifat@Syuhudiyah*, dengan panduan alim-ulama yang bersناد sampai kepada Rasulullah saw, maka barulah kita mampu memahami, menghayati dan menghargai pengalaman leluhur kita yang hakikatnya lebih baik faham ilmu dan asas akhlak serta adab berbanding masyarakat Melayu masakini.

Sesungguhnya perkara Daulat Raja dan Daulat Rakyat perlu ditafsir semula, bukan lagi dari perspektif orientalisme atau hinduisme, atau apa saja, tetapi luhur murninya daripada panduan alim-ulama arifbillah yang ramai pernah mencorak ketamadunan dan peradaban alam Melayu secara silih berganti sebelum dijarah oleh alam pemikiran barat, dan kini ditambah dengan kecelaruan fahaman Islam itu sendiri oleh golongan pelampau seperti Wahabisme, Syiahisme dan Firqah Dholalah yang lain-lain lagi.

Alim ulama ini telah meninggalkan khazanah perbendaharaan yang hebat, penting dan relevan, iaitu dalam bentuk kitab turath dan manuskrip-manuskrip lama, yang beribu jumlahnya di merata tempat, yang banyak masih belum dibongkar dan dikaji. Sedangkan apa yang telah berhasil dibongkar dan dikaji juga cukup untuk mengambil faedah dan menafaat besar darinya, termasuk dalam hal ilmu tatanegara dan pemerintahan kerajaan-kerajaan silam di alam Melayu ini.

Wallahu 'alam bissawab

Intaha
TSTHO